



## JABATAN AIR NEGERI SABAH

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah (salah seorang ibu atau bapa, warganegara Malaysia yang lahir di Sabah)** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan.

#### NAMA JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (P/O), GRED N19

Taraf Jawatan	: Pekerja Sambilan Harian
Kadar Upah Harian	: RM 54.00
Bilangan Kekosongan	: Dua (2)
Tempat Penempatan	: Jabatan Air Daerah Sandakan (1) Jabatan Air Daerah Beluran (1)

#### SYARAT LANTIKAN

(a) Memiliki kelayakan berikut:

- (i) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada Peringkat SPM /Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (ii) Lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan.

#### TUGAS UTAMA

##### **Jabatan Air Daerah Sandakan:**

- i. Memeriksa semua surat-surat yang diterima dari luar dan menyerahkan kepada Ketua Pentadbiran untuk tindakan selanjutnya.
- ii. Mengambil dan menerima fail yang berkaitan yang dikehendaki oleh Jurutera Air Daerah atau pegawai-pegawai lain untuk tindakan selanjutnya.
- iii. Membantu merangka surat dan menjawab surat-surat tertentu mengikut arahan Ketua Kerani.

##### **Jabatan Air Daerah Beluran:**

- i. Menerima dan memeriksa aduan masalah air.
- ii. Memantau kerja-kerja pemberian kerosakan paip.
- iii. Menyedia data laporan kebocoran paip di daerah Beluran.

#### CARA MEMOHON

Calon yang berminat boleh memohon dengan mengisi *google form* melalui pautan <https://forms.gle/GCNcmpfvGQChvS4n9> atau **QR Code** seperti di bawah:



Borang Permohonan

- ❖ **Pemohon yang layak akan dihubungi bagi proses temuduga.**
- ❖ **Tarikh tutup permohonan 14 September 2023 (Khamis) jam 11.59 Malam.**